KENYATAAN MEDIA
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PINDAAN PERLEMBAGAAN BERKAITAN PENGASINGAN PERANAN PEGUAM NEGARA DAN PENDAKWA RAYA

JKPK TELITI CADANGAN PINDAAN PERLEMBAGAAN SUSULAN MAKLUM BALAS MAJLIS RAJA-RAJA

KUALA LUMPUR, 11 NOVEMBER 2026 – Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) Mengenai Pindaan Perlembagaan Berkaitan Pengasingan Peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya dalam mesyuaratnya pada hari ini telah mendengar pembentangan dan maklum balas daripada Jabatan Peguam Negara (AGC) berhubung cadangan pindaan Perlembagaan tersebut setelah meneliti perkara-perkara yang dibangkitkan dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja (MRR) ke-270 yang lalu.

JKPK telah meneliti cadangan pindaan yang dikemukakan oleh AGC, khususnya bagi memastikan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh MRR diberikan pertimbangan sewajarnya dalam memperkukuh kerangka perundangan bagi pelaksanaan reformasi ini, selaras dengan prinsip Raja Berperlembagaan dan keluhuran Perlembagaan Persekutuan. Seterusnya, JKPK juga telah memutuskan agar cadangan pindaan terbaru ini dimaklumkan kepada Mesyuarat Jemaah Menteri. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh Ahli-ahli Jawatankuasa iaitu Yang Berhormat Pengerang selaku pengerusi, Parit Sulong, Selayang, Bangi, Bukit Gelugor, Beluran, Kota Bharu dan Muar, manakala Yang Berhormat Larut, Alor Gajah, Tawau dan Lubok Antu tidak dapat hadir atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan

JKPK kekal komited memastikan reformasi pengasingan peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya dilaksanakan secara teliti dan berlandaskan Perlembagaan demi memperkukuh kebebasan institusi pendakwaan, akauntabiliti serta keyakinan rakyat terhadap sistem keadilan negara.

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PARLIMEN MENGENAI PINDAAN PERLEMBAGAAN BERKAITAN PENGASINGAN PERANAN PEGUAM NEGARA DAN PENDAKWA RAYA
11 NOVEMBER 2026